

Headline	Banjir punca bekalan elektrik di Sepanggar terganggu SESB		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	29 Dec 2013	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	3	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	140 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 288
Frequency	Daily	PR Value	RM 864



Banjir punca bekalan elektrik di Sepanggar terganggu: SESB

KOTA KINABALU: Hampir 2,500 pengguna terputus bekalan elektrik selama beberapa jam ekoran Pencawang Masuk Utama (PMU) Sepanggar milik Sabah Electricity Sdn Bhd (SESB) dilanda banjir pada 9.39 malam, Khamis lepas.

PMU Sepanggar merupakan pencawang utama yang menyalurkan bekalan elektrik kepada kawasan sekitar Sepanggar, Karambunai, Melawa dan Indah Permai.

Pengarah Urusan SESB Abd Razak Sallim berkata penyaluran bekalan elektrik ke pencawang itu terpaksa dihentikan buat sementara waktu atas faktor keselamatan.

"Bekalan elektrik telah dapat disalurkan secara berperingkat di sebahagian kawasan bermula pada jam 12.05 malam keesokan harinya (27 Dis).

Bagi mengurangkan impak gangguan bekalan elektrik di kawasan

yang terlibat, pihak SESB turut menggunakan beberapa genset bergeserak," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Abd Razak berkata pada masa ini, kerja pembersihan di PMU berkenaan masih giat dijalankan.

Beliau juga berkata pihaknya turut berterima kasih kepada Dewan Bandaraya Kota Kinabalu yang membantu kerja-kerja menyalurkan air keluar dari kawasan pencawang itu.

"Pihak SESB memohon maaf di atas kesulitan yang dihadapi pengguna disebabkan kejadian di luar jangkaan ini," katanya.

Hujan lebat tanpa henti selama beberapa jam pada Khamis lepas turut mengakibatkan pam penyedut air sedia ada gagal beroperasi sehingga menyebabkan kawasan berdekatan mula dinaiki air dan mengalami banjir. - Bernama